

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1995/96

April 1996

SEU319 - Pemikiran Ekonomi Islam

Masa: [3 Jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab Soalan 1 dan mana-mana TIGA (3) soalan yang lain. Setiap soalan mempunyai wajaran markah 20 kecuali soalan satu mempunyai wajaran markah 40.

Soalan 1 (Soalan ini wajib dijawab - 100 markah)

“Ekonomi Islam ialah sebuah sistem, dan Sistem Ekonomi Islam adalah lengkap dan tertentu (berbeza dengan sistem-sistem ekonomi lain) dalam kehidupan manusia yang dinamik.”

- (a) Huraikan maksud sistem ekonomi dan terangkan perbezaannya dengan sains ekonomi.  
(20 markah)
- (b) Bincangkan perbezaan Sistem Ekonomi Islam dengan sistem pasaran bebas kapitalisme dari aspek paradigme, asas mikro, dan objektif masing-masing.  
(40 markah)
- (c) Huraikan aksiom etika mahupun asas mikro ekonomi Islam yang menjadikannya sistem yang lengkap dalam kehidupan manusia.  
(40 markah)

**Soalan 2 (100 markah)**

Perkaedahan Ekonomi Islam menggunakan prinsip-prinsip usul-fiqh (hukum perundangan Islam) dalam menyelesaikan masalah yang berbangkit:

- (a) Namakan sumber-sumber yang menjadi sandaran kepada perundangan Islam.  
(10 markah)
- (b) Pertimbangkan keperluan perkara-perkara berikut dengan menggunakan sandaran prinsip usul-fiqh:
- (i) membanteras inflasi (30 markah)
  - (ii) jihad memerangi kemiskinan (30 markah)
  - (iii) dasar "kedai harga patut" (30 markah)

**Soalan 3 (100 markah)**

"Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba."

- (a) Apakah erti riba, dan apakah perbezaan riba dengan untung dalam perniagaan?  
(20 markah)
- (b) Jelaskan prinsip-prinsip jual beli dalam Islam.  
(30 markah)
- (c) Bincangkan langkah-langkah positif ke arah mengurangkan dan seterusnya menghapuskan gejala riba dalam urusan ekonomi hari ini.  
(50 markah)

**Soalan 4 (100 markah)**

- (a) Apakah "perbankan Tanpa Faedah (PTF)"?  
(25 markah)
- (b) Terangkan tiga produk utama perbankan tanpa faedah bertujuan mengatasi masalah riba.  
(45 markah)
- (c) Apakah ulasan anda tentang dakwaan "tidak Islamnya Bank Islam"?  
(30 markah)

Soalan 5 (100 markah)

- (a) Terangkan prinsip dan perbezaan di antara mudharabah dengan syarikah al-uqud (syarikat berkontrak). (50 markah)
- (b) Huraikan persoalan dan pertimbangan asas bagi seorang Muslim apabila melibatkan dirinya dalam perusahaan ekonomi demi kejayaan hakiki-falah. (50 markah)

Soalan 6 (100 markah)

- (a) Huraikan makanisme-makanisme dasar pengagihan dalam ekonomi Islam. (40 markah)
- (b) Bincangkan kewajaran mewajibkan zakat pendapatan di Malaysia. (30 markah)
- (c) Kemukakan langkah-langkah sokongan bagi memastikan dasar pengagihan berkesan. (30 markah)

Soalan 7 (100 markah)

- (a) Huraikan tingkatan keperluan dan kepentingan dalam teori penggunaan Islam (40 markah)
- (b) Tunjukkan perhubungan nilai faedah dengan tingkatan penggunaan dalam Islam. (20 markah)
- (c) Bincangkan sebab-sebab nilai faedah sesuatu tingkat penggunaan itu berkeadaan positif, negatif, menurun, dan meningkat. (40 markah)